

BAB 2



CARTA ORGANISASI JAS NEGERI SARAWAK

JAS Negeri Sarawak dibentuk oleh 6 struktur organisasi dan ianya ditunjukkan pada carta organisasi berikut:-


- Carta Organisasi Bahagian Pentadbiran & Kewangan
- Carta Organisasi Bahagian Penguatkuasaan
- Carta Organisasi Bahagian Pembangunan
- Carta Organisasi JAS Cawangan Sibu
- Carta Organisasi JAS Cawangan Bintulu
- Carta Organisasi JAS Cawangan Miri




Pejabat JAS Negeri Sarawak:

Tingkat 7, 8 & 9, Wisma STA, 93450 Kuching, Sarawak


STRUKTUR ORGANISASI JAS SARAWAK: BAHAGIAN PENTADBIRAN 2016




STRUKTUR ORGANISASI JAS SARAWAK: BAHAGIAN PEMBANGUNAN 2016




STRUKTUR ORGANISASI JAS CAWANGAN SIBU 2016



STRUKTUR ORGANISASI JAS CAWANGAN BINTULU 2016



STRUKTUR ORGANISASI JAS CAWANGAN MIRI 2016



* RICHARD AK. TAGONG - belum ditentukan jawatan beliau kerana belum dapat maklumbalas dari JPA

TARIKH KEMASKINI: 31.12.2016

STRUKTUR ORGANISASI JAS NEGERI SARAWAK

Jabatan Alam Sekitar Negeri Sarawak (JAS Sarawak) diterajui oleh seorang Pengarah Gred C54. Struktur JAS Negeri Sarawak diketuai oleh pegawai dari pelbagai gred yang terdiri daripada Bahagian Pentadbiran dan Kewangan, Bahagian Penguatkuasaan dan Bahagian Pembangunan serta Pejabat JAS Cawangan Sibu (Gred C44), Pejabat JAS Cawangan Bintulu (Gred C44) dan Pejabat JAS Cawangan Miri (Gred C44).

Jumlah perjawatan di JAS Negeri Sarawak adalah sebanyak 109 jawatan dengan pengisian seramai 100 orang sehingga 31 Disember 2016.

UNIT PENGURUSAN SUMBER MANUSIA

Jadual 2.1: Tenaga Kerja Mengikut Kumpulan JAS Negeri Sarawak Tahun 2016


TENAGA KERJA MENGIKUT KUMPULAN		
SKIM PERKHIDMATAN	PENGISIAN	KEKOSONGAN
P & P	18	5
Sokongan 1	69	4
Sokongan 2	13	0
JUMLAH:	100	9

UNIT KEWANGAN DAN AKAUN

Pengurusan Perbelanjaan

Pada tahun 2016, JAS Negeri Sarawak termasuk JAS Cawangan Sarawak telah menerima peruntukan perbelanjaan mengurus sebanyak **RM 6,427,394.90**. Walau bagaimanapun, jumlah perbelanjaan sebenar sepanjang tahun 2016 adalah sebanyak **RM 7,468,415.74**. Jumlah perbelanjaan sebenar adalah lebih besar daripada peruntukan yang diterima disebabkan pembayaran bonus serta perubahan tangga gaji penjawat awam pada bulan Julai 2016 di bawah OS10000.

Rajah 2.1 di bawah menunjukkan prestasi perbelanjaan JAS Negeri Sarawak pada tahun 2016.



Rajah 2.1: Perbelanjaan Mengurus Tahun 2016

Kutipan Hasil

Pada tahun 2016, JAS Negeri Sarawak secara keseluruhannya, telah menerima hasil / kutipan sebanyak **RM 131,338.50** untuk bayaran prosesan, bayaran perkhidmatan, jualan barang cetak, kompaun / hukuman dan pelbagai terimaan.

Jadual 2.2: Kutipan JAS Negeri Sarawak tahun 2016

HASIL / KUTIPAN JAS SARAWAK TAHUN 2016	
KOD HASIL / CATATAN	JUMLAH (RM)
72409 - Hasil Bukan Cukai (Bayaran Prosesan)	77,697.05
72499 - Hasil Bukan Cukai (Bayaran Perkhidmatan Yang Lain)	280.80
73103 - Jualan Barang Cetak (Jabatan Cetak Jualan Percetakan)	225.00
76199 - Denda & Hukuman (Pelbagai Bayaran Hukuman)	47,500.00
81101 - Pelbagai Terimaan (Bayaran Balik Tahun-Tahun Lalu)	4,218.40
81199 - Pelbagai Terimaan (Bayaran-Bayaran Balik Yang Lain)	1,417.25
JUMLAH BESAR:	RM 131,338.50

UNIT LATIHAN

Sepanjang tahun 2016, seramai 95 orang kakitangan JAS Sarawak (jumlah yang diambil kira) telah berjaya menghadiri tempoh kursus 7 hari. Peratusan pegawai yang berjaya mencapai kehadiran kursus selama 7 hari adalah 100%. Jumlah pegawai JAS yang berjaya mencapai sasaran 7 hari berkursus adalah seperti berikut:-

Jadual 2.3: Jumlah kakitangan JAS Negeri Sarawak yang mencapai sasaran 7 hari berkursus Tahun 2016

BIL	GRED KUMPULAN	JUMLAH KAKITANGAN	KURSUS JANGKA PENDEK		
			< 7 HARI	>7 HARI	BELUM BERKURSUS
1	Pengurusan & Profesional (Gred 41 - 54)	18	18	Tiada	Tiada
2	Sokongan 1 (Gred 17 - 40)	64	64	Tiada	Tiada
3	Sokongan 2 (Gred 1 - 16)	13	13	Tiada	Tiada
JUMLAH / PERATUS:		95	100%	0%	0%

Jumlah yang diambil kira tidak termasuk 5 orang pegawai Sokongan 1: Pegawai Cuti Separuh Gaji, Pegawai Bertukar & Pegawai Lantikan Baru.